604
KABINET - SUMPAH ʀ'ʀ'ʀ'

1974

KUALA LUMPUR, 5 SEPTEMBER (BERNAMA) -- DUA ORANG MENTERI DAN 12 ORANG TIMBALAN MENTERI BARU ADALAH ANTARA 19 ORANG MENTERI DAN 16 TIMBALAN MENTERI KABINET KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG MENGANGKAT SUMPAH DI DEPAN YANG DIPERTUAN AGUNG DI ISTANA NEGARA DI SINI HARI INI.

MENTERI BARU ITU IALAH DR.MAHATHIR MOHAMAD DAN DATO MUSA HITAM. -- BERSAMBUNG 1639/YF

605
KABINET - SUMPAH 2 - KUALA LUMPUR ʀ'ʀ'ʀ'

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI YANG BARU IALAH:

1. DATO SRI KAMARUDDIN ISA (BEKAS MENTERI BESAR PERAK)
2. DATO MUSTAPHA JABAR (BEKAS SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN EKONOMI DESA)
3. ENCIK MOKHTAR HASHIM (BEKAS SETIAUSAHA PERLIMEN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN)
4. DATUK ABDULLAH AHMAD (BEKAS SETIAUSAHA POLITIK PERDANA MENTERI)
5. ENCIK CHAN SIANG SUN (SETIAUSAHA AGUNG MCA)
6. TAN SRI CHONG HON NYAN (BEKAS KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN)
7. HAJI HASSAN ADLI (NAIB PRESIDEN PAS)
8. HAJI ABU BAKAR UMAR (BEKAS SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN)
9. DATUK ATHI NAHAPAN (SENATOR DAN NAIB PRESIDEN MIC)
10. ENCIK RICHARD HO UNG HUN (ANGGOTA PARLIMEN LUMUT)
11. ENCIK PAUL LEONG KEE SEONG (BENDAHARI GERAKAN)
12. DR.SULAIMAN HAJI DAUD (BEKAS MENTERI TANAH DAN HASIL BUMI SARAWAK). -- BERSAMBUNG 1643/YF

613
KABINET-SUMPAH 3 KUALA LUMPUR ʀ'ʀ'ʀ'

PERDANA MENTERI, TUN ABDUL RAZAK MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN UNTUK PENGGAL KEDUA PADA JAM 4.30 PETANG INI DAN BELIAU DISUSULI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATO HUSSEIN ONN.

LAIN-LAIN MENTERI YANG MENGANGKAT SUMPAH PETANG INI IALAH: TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, ENCIK ABDUL GHAFAR BABA, TAN SRI LEE SIOK YEW, DATUK HAJI MUHAMAD ASRI HAJI MUDA, DATUK HAMZAH ABU SAMAH, TAN SRI ABDUL KADIR YUSOFF, TAN SRI GHAZALI SHAFIE, DATUK ONG KEE HUI, DATUK TAIB MAHMUD, DATO LEE SAN CHOON, DATO ALI HAJI AHMAD, TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN, HAJI MOHAMAD YAACOB DAN ENCIK MICHAEL CHEN.

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI LAMA YANG TURUT MENGANGKAT SUMPAH IALAH DATUK SAMAD IDRIS, ENCIK SHARIFF AHMAD, DATUK WAN KADIR ISMAIL DAN DATO MOHAMAD RAHMAT.

UPACARA SENDERHANA ITU DISAKSIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA NEGARA, TAN SRI ABDUL KADIR SHAMSUDDIN DAN KETUA HAKIM NEGARA, TAN SRI HAJI MOHAMAD SUFFIAN HASHIM. -- BERNAMA 1705/YF